

Kunjung Hormat Persatuan Kontraktor G1 ke Jabatan Pendidikan Erat Kerjasama



Labuan, 9 April : Persatuan Kontraktor G1 Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Pendidikan W.P. Labuan di pejabatnya di Tingkat 10 Ujana Kewangan sempena pelantikan Encik Yusup bin Haji Mohamad sebagai Pengarah Pendidikan yang baharu, hari ini.

Rombongan ahli jawatankuasa tertinggi persatuan telah diketuai oleh Tuan Haji Ceh Mat Haji Mustafa, Pengurus Persatuan Kontraktor G1 Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketibaan rombongan seramai 10 orang pada jam 9.00 pagi telah disambut oleh Ketua Penolong Pengarah, Sektor Infrastruktur dan Perolehan (SIP), Encik Boney Joumil.

Dalam pertemuan itu, Encik Che Mat mewakili ahli persatuan mengucapkan tahniah kepada Encik Yusup kerana telah dilantik menerajui Jabatan Pendidikan W. P. Labuan.

Beliau turut menyuarakan hasrat ahli persatuan untuk mempertimbangkan beberapa prosedur sedia ada bagi memudahkan penyertaan ahli dalam sebutharga bagi kerja-kerja di bawah kawalan Jabatan Pendidikan.

"Terdapat beberapa perkara yang membebankan pihak kontraktor G1 seperti pengesahan setiap salinan penyata bank bagi setiap dokumen sebutharga. Selain itu kami juga berharap agar senarai kontraktor yang berjaya dipamerkan untuk rujukan penyebutharga" katanya.



Encik Che Mat menyuarakan hasrat ahli persatuan Kontraktor G1 kepada Encik Yusup Dalam maklumbalas, Encik Boney menyatakan bahawa pihak jabatan terikat dengan peraturan-peraturan Kementerian Pendidikan Malaysia yang perlu dipatuhi.

"Setiap penilaian sebutharga di peringkat jabatan sangat telus dan teratur dengan melibatkan tiga peringkat penilaian di mana individu yang berlainan terlibat di setiap peringkat" jelas beliau lagi.

Dalam ucapan balas, Encik Yusup turut berharap agar pihak kontraktor dapat memberi sumbangan dengan menyediakan

perkhidmatan yang terbaik berkaitan kerja-kerja penyenggaraan dan pembinaan di sekolah.

"Matlamat kita ialah menyediakan fasiliti dan kemudahan fizikal yang terbaik kepada anak-anak di Labuan. Apapun yang kita buat di sekolah, akhirnya nikmat dapat dirasai oleh anak-anak di pulau ini" tambah beliau lagi.

Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah Timbalan Pengarah Sektor Perancangan(SPr) , Encik Mohd Nizam bin Yasim, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid (SPM), Tuan Haji Abdul Rahman Ahmad.

Berita Oleh : Sektor Perancangan

